



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
12 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	12 Oktober 2024
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	39

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

Penambahbaikan ACM HRD Corp beri majikan dan pekerja lebih fleksibiliti

PETALING JAYA: Penambahbaikan dalam Matrik Kos Yang Dibenarkan (ACM) HRD Corp memberikan majikan dan pekerja fleksibiliti mendapatkan latihan, sekali gus mampu menyokong pertumbuhan industri latihan.

Pemain industri dan penyedia latihan menyambut baik langkah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan HRD Corp untuk penambahbaikan tersebut yang bertujuan untuk mengukuhkan usaha pembangunan kemahiran Malaysia.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, MEF mengalui-alukan dan menyokong inisiatif Men-

teri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengenai penambahbaikan kepada ACM HRD Corp.

"Struktur yuran baru membolehkan majikan lebih fleksibel untuk menjalankan program latihan termasuk kursus pembangunan profesional dan kursus modular.

"Kami juga percaya bahawa kenaikan siling yuran latihan HRD Corp akan membolehkan majikan menjalankan lebih banyak program latihan berkualiti serta bermilai tinggi yang memenuhi keperluan mereka," katanya dalam kenyataan.

Presiden Nasional Persatuan PKS Malaysia, Chin Chee Seong pula memuji KESUMA dan HRD

Corp atas inisiatif yang akan menyokong pembangunan berterusan tenaga kerja perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia.

"Pengenalan tuntutan mengikut jam untuk program latihan amat bermanfaat untuk PKS kerana ia memastikan latihan dapat dilakukan tanpa mengganggu operasi harian, menghasilkan usaha peningkatan kemahiran yang lebih kos efektif dan disasarkan.

"Kenaikan had bagi yuran kursus boleh dituntut membolehkan majikan mengakses kursus berkualiti tinggi dan premium yang sebelum ini tidak boleh diakses, memupuk daya saing yang lebih besar dalam

pasaran tempatan dan global," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyedia Latihan Bumiputera Malaysia (MBTA), Azman Shah Aziz berkata, inisiatif itu sejajar dengan keperluan tenaga kerja moden yang semakin berkembang dan menonjolkan komitmen KESUMA untuk memupuk ekosistem pembelajaran yang fleksibel dan berkualiti tinggi di Malaysia.

"Kami percaya inisiatif ini akan mengukuhkan kualiti dan kepelbagaiannya tawaran latihan yang tersedia untuk tenaga kerja Malaysia, akhirnya menyumbang kepada daya saing keseluruhan negara dalam pasaran global," jelasnya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Harian Metro
Tarikh	12 Oktober 2024
Ruang	Bisnes
Muka Surat	23

Harian

Metro

Perkeso perkukuh penyaluran faedah kepada pekerja asing

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) terus memperkuuh penyaluran faedah kepada pekerja asing yang mencarum menerusi kerjasama strategik bersama Merchantrade Platform dan iKenanga Lifelines Sdn Bhd.

Pengerusi Lembaga Perkeso Datuk Seri Subahan Kamal berkata, kerjasama bersama iKenanga Lifelines Sdn Bhd membolehkan pekerja asing yang melanggan ACARE SIM card dari 15 negara yang dikategorikan sebagai *unfit to work* boleh menerima perkhidmatan penghantaran pulang percuma sekiranya menghadapi masalah kesihatan serius yang memerlukan mereka pulang ke negara asal.

"Inisiatif ini dapat meringankan beban majikan dalam urusan penghantar pulang pekerja asing ke negara asal sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini, di samping memudahkan penyaluran faedah Perkeso kepada pekerja asing walaupun mereka berada di luar Malaysia.

"Sementara itu, menerusi platform Merchantrade pula ia berupaya memudahkan pekerja asing untuk menerima dan menyemak bayaran faedah secara terus, sama ada ketika berada di Malaysia mahupun selepas kembali ke negara asal.



SUBAHAN

"Inisiatif ini sekali gus membolehkan pembayaran faedah kepada pekerja asing dilaksanakan melalui platform Merchantrade," katanya dalam kenyataan.

Berkuat kuasa 1 Julai lalu, Perkeso telah memperluas perlindungan Skim Keilatan kepada pekerja asing, yang dilihat signifikan berikutan langkah proaktif Perkeso dalam usaha menjadi penyedia perlindungan keselamatan sosial yang lebih inklusif seiring tekad pertubuhan itu *no one is left behind*.

Untuk rekod, terdapat 2.18 juta pekerja asing aktif yang dilindungi Perkeso, setakat 31 Ogos lalu.

Seramai 43,067 penerima faedah berkaitan kes bencana kerja dilaporkan menerima bayaran manfaat keselamatan sosial yang dibayar kepada pekerja asing dan waris menjangkau RM102.5 juta bagi tempoh sama.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	12 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	7



Majikan tersenyum, pekerja terbela

Malaysia berada di landasan tepat untuk capai ekonomi mampang dan inklusif

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHAH ALAM



Mendepani persekitaran ekonomi yang semakin kompetitif, majikan sering berdepan dengan cabaran besar seperti kos operasi meningkat dan tenaga kerja yang kurang berkemahiran.

Bagaimanapun, bagi kebanyakan majikan daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia, Belanjawan 2024 telah membawa nafas baru.

Melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan Kementerian Kewangan (MOF), mereka kini dapat mengembangkan pembiayaan dengan sokongan kerajaan.

Menerusi Belanjawan 2024, kerajaan menyediakan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) - Mikro Kredit bagi kemudahan pinjaman kepada usahawan mikro daripada pelbagai segmen.

la termasuk penjaja, veteren, wanita, belia, perintis, Sabah atau Sarawak orang kurang upaya (OKU), komuniti Cina dan India berjumlah RM2 bilion.

Pembayaran diberikan berjumlah RM361.2 juta kepada 20,000 penerima.

Dalam pada itu, kerajaan turut menyediakan Program Sejahtera Komuniti MADANI (Sejati MADANI) berbentuk geran antara RM50,000 hingga RM100,000 berjumrah RM1 billion kepada komuniti.

La berdasarkan lima sektor iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraftangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

Perbelanjaan tersebut berjumlah RM93.4 juta melibatkan 1,107 komuniti.

Pekerja pula mendapat manfaat melalui program latihan yang meningkatkan kemahiran, memberikan impak positif kepada syarikat dan ekonomi secara keseluruhan.

Perkara tersebut diakui pengusaha makanan tradisional sejuk beku, Nafizoh Abu Suaid, 37, yang mengaku setelah mendapat tiga kali bantuan kerajaan kini perusahaannya semakin stabil dan mengukuh.

"Saya telah mendapat bantuan tiga kali daripada Pihak Berkasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Bantuan itu berbentuk barangan seperti pengadun, penyekuk beku, mesin dodol dan pengisar industri berjumlah RM10,000, mesin perlabeledan (RM10,000) serta pemilikan sijil halal (RM20,000).

"Sejak ada perlabeledan jenama hasil bantuan kerajaan, pelanggan tetap Legasi Warisan Fizfazd semakin bertambah. Sebelum ini kami hanya memperkenalkan produk menerusi media sosial sahaja namun kini sudah mendapat sambutan di beberapa negeri lain seperti Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur," ujarnya.

Program Pembangunan Usahawan merupakan salah satu bantuan RISDA seperti modal perniagaan, kursus keusahawanan dan lain-lain bagi memberi manfaat kepada pekebun kecil untuk menambah pendapatan melalui perniagaan.

Antara objektif program tersebut adalah melahirkan 12,500 usahawan baru pada akhir tahun 2025 dan lima peratus daripada usahawan pekebun kecil mencapai status usahawan mikro dan ke atas pada akhir tahun hadapan.

Selain itu agensi berkenaan turut mendidik, membimbing dan membangunkan usahawan baru serta sedia ada melalui Program Bimbangan, Latihan dan Pemantauan Keusahawanan RISDA (RRapUP).

Lebih efektif

Sementara itu, seorang pekerja dalam bidang mekanikal dan elektrikal, Suhairul Nizam Zainal, 35, berkata, Program Latihan Madani diberikan kerajaan yang disertainya di bawah Human Resource Development Corporation (HRD Corp) meningkatkan kemahiran teknikal dan pengetahuan.

"Ini termasuklah pembelajaran mengenai teknologi baharu, proses kerja yang lebih efisien dan pengetahuan industri terkin."

"Saya sebagai pekerja yang terlatih juga dapat menyelesaikan tugas dengan lebih efektif dan boleh mengurangkan kesilapan serta bertanggungjawab dalam meningkatkan produktiviti syarikat," katanya.

Pertumbuhan ekonomi lebih mampang

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi, Dr Mohamad Khair Afhami Muhamad Senan berkata, Belanjawan 2024 memperkenalkan pelbagai inisiatif yang direka untuk menyokong majikan dan pekerja yang mendorong pertumbuhan ekonomi yang lebih mampang.



BANTUAN:

Pihak Berkasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)



Barangan

RM10,000



Perlabeledan

RM10,000



Pemilikan sijil halal

RM20,000



Nafizoh menunjukkan makanan tradisional sejuk beku keluaran Legasi Warisan Fizfazd



SUHAIRUL NIZAM



MOHAMAD KHAIR

agregat negara seterusnya akan menurunkan kos barang dan perkhidmatan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

"Majikan yang berdaya saing dan pekerja yang lebih berkemahiran berpotensi mempercepatkan pertumbuhan sektor PKS," katanya.

Tingkat kecekapan pengeluaran

Mohamad Khair berkata, teknologi dan inovasi yang dibawa oleh pekerja berkemahiran menyumbang kepada pertumbuhan jangka panjang.

"Langkah-langkah seperti peruntukan RM40 juta untuk program Shop Malaysia Online memberi PKS akses yang lebih baik kepada pasaran digital, membantu mempercepatkan penembusan industri tersebut ke dalam pasaran baru."

"Dengan memperluaskan pasaran melalui digitalisasi, PKS boleh meningkatkan pendapatan dan menyumbang lebih banyak kepada perolehan agregat negara."

"Peruntukan RM28 juta untuk inisiatif MyStartup menunjukkan komitmen kerajaan untuk memperkuatkukuhkan ekosistem startup dengan menumpukan kepada industri bernilai tinggi seperti ekonomi digital dan teknologi atau ekonomi hijau," katanya.

Secara keseluruhannya, Mohamad Khair berkata, dengan gabungan modal insan yang lebih baik dan sokongan teknologi yang kukuh, sektor PKS di Malaysia dijangka menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam beberapa tahun akan datang.

"Malaysia kini berada di landasan terbaik untuk mencapai pertumbuhan lebih mampang dan inklusif melalui pemerkasaan majikan serta pekerja," katanya.

REAKSI



“Bantuan RISDA berbentuk barangan bernilai RM10,000 sangat membantu saya menghasilkan kek dan biskut, jualan turut meningkat sehingga 25 peratus selepas mendapat bantuan itu.”

- Majikan Dapur Mami,
Nurul Aini Mohamed Ali, 36



“Program Latihan Madani lengkap dengan kemahiran dan pengetahuan khusus melalui latihan sekali gus peluang menjana pendapatan.”

- Pekerja swasta,
Khairul Akmal Barkawi, 41



“Saya mendapat bantuan Tunas Usahawan Muda (Tube) dan Amanah Iktiar bagi perniagaan ternakan ikan talapia dan cendawan tiram.”

- Majikan Aura Attiya Empire,
Nur Alia Natasya Abdul Hafiz, 27